

09 NOV 2000

PENGHULU DAN PERSATUAN BELIA DIMINTA URUS SELIA SUNGAI

ALOR SETAR, 9 Nov (Bernama) -- Penghulu dan persatuan-persatuan belia d negeri ini diminta mengurus selia sungai di kawasan masing-masing dengan menjadikannya sebagai "sungai angkat".

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Datuk Zainol Md Isa berkata penglibatan semua pihak dalam pengurusan sungai secara tetap akan menampilkan sungai-sungai yang bersih dan indah.

"Kerajaan negeri mahu menjadikan Kedah sebagai negeri contoh dalam usaha memulihara sungai-sungai," katanya di sini hari ini.

Katanya, sungai-sungai di negeri ini mempunyai potensi yang tinggi untuk dijadikan tarikan pelancongan kerana mempunyai nilai sejarah dan keindahan semulajadi.

Kerajaan negeri menyedari terdapat beberapa batang sungai di negeri ini yang telah mula tercemar dan ianya perlu ditangani segera, katanya.

Beliau berkata penghulu juga diminta mengenal pasti sungai-sungai tercemar dan mengenal pasti persatuan-persatuan belia yang berkemampuan mengendalikan pengurusan sungai-sungai angkat di kawasan masing-masing.

Pelancaran Kempen Cintai Sungai Kita oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok di Ampang Jajar di sini diharapkan mampu memperbaharui komitmen dan kesungguhan kita dalam memulihara sungai dan menangani isu alam sekitar, katanya.

-- BERNAMA

MNH RHM